

BAB III

DESKRIPSI WILAYAH PENELITIAN

A. Pengenalan Tentang Klinik Cure & Care 1Malaysia Tampoi

Klinik Cure & Care 1Malaysia merupakan sebuah pusat rawatan kepada pesalah narkoba yang mana menawarkan program rawatan dan pemulihan tentang permasalahan narkoba yang dijalankan secara *open access service* dan bersifat sukarela. Tiada sebarang syarat dan implikasi perundangan yang akan dikenakan terhadap klien.¹

Klinik Cure & Care 1Malaysia menyediakan perkhidmatan pemulihan dan rawatan secara sukarela melalui undang-undang pasal 8(3)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983. Perkhidmatan ini lebih terbuka kepada semua golongan sama ada pengguna, penyalahguna dan pencandu narkoba. Minimal tempoh perawatan bagi klien di Klinik Cure & Care 1Malaysia ini adalah 6 bulan dan maksimal adalah selama 24 bulan (2 Tahun). Perkhidmatan ini telah memberi peluang kepada individu yang bekerja (awam / swasta), masih bersekolah , pelajar universiti untuk mendapatkan rawatan awal apabila terlibat dengan masalah narkoba.²

¹Soalan Lazim: Klinik C&C 1Malaysia (diakses pada Mei 1, 2018) diambil dari :<https://www.adk.gov.my/klinik-cnc-faq/>.

²Laman Web Rasmi Agensi AntiDadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri (diakses pada Mei 1, 2018) diambil dari :<https://www.adk.gov.my/rawatan/klinik-cure-care/>.

Sehingga hari ini sudah terbina 12 buah Klinik Cure & Care 1Malaysia di seluruh Malaysia. Antara profinsi yang dibina klinik ini adalah di Johor, Kedah, Kelantan, Kuala Lumpur, Melaka, Pahang, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.³

B. Sejarah Rehabilitas Klinik Cure & Care 1Malaysia

Pada tahun 1952, usaha awal kerajaan Malaysia menangani kasus dan masalah terkait narkoba adalah melalui tindakan undang-undang dengan menubuhkan undang undang yang dipanggil ‘Akta Dadah Berbahaya 1952’ tetapi pelaksanaan undang-undang ini dilaksanakan oleh lembaga-lembaga kerajaan secara berasingan.

Berikutan masalah narkoba yang semakin banyak sehingga menimbulkan ancaman terhadap keselamatan negara, maka pada 19 Februari 1983, kerajaan telah mengisytiharkan narkoba sebagai musuh nomor 1 negara. Lanjutan dari masalah ini, kumpulan menteri di Malaysia dalam mesyuarat pada 22 Juni 1983 telah meluluskan rehabilitas ‘Jawatankuasa Anti Dadah (JKAD)’ dan ‘Pasukan Petugas Anti Dadah (PPAD)’ untuk bertanggungjawab kepada ‘Majlis Keselamatan Negara’ dalam semua aspek terkait masalah narkoba.

Pada tahun 1995, Kementerian Dalam Negeri (KDN) Malaysia telah mendiskusikan kepada Perdana Menteri Malaysia untuk menggabungkan semua agensi/lembaga yang bertanggungjawab menangani masalah narkoba menjadi satu. Setahun setelah itu Kerajaan telah bersetuju menubuhkan ‘Majlis Dadah Kebangsaan’ (MDK) bagi menggantikan ‘Jawatankuasa Anti Dadah’(JKAD) untuk mengawal masalah narkoba di negara ini yang diketuai oleh Menteri Dalam

³Direktori Agensi AntiDadah Kebangsaan (diakses pada Mei 3, 2018) diambil dari :<https://public.adk.gov.my/direktori/cnc1m.php>.

Negeri dan Timbalan Menteri Dalam Negeri sebagai Timbalan ketua. Kerajaan Malaysia juga telah menggabungkan semua agensi dan lembaga yang terkait tentang narkoba menjadi satu agensi tunggal yang dinamakan Agensi Dadah Kebangsaan (ADK). Fungsi dan tanggungjawab ADK adalah untuk memberi khidmat pengurusan kepada Majlis Dadah Kebangsaan (MDK) dan menjadi salah satu lembaga pelaksana menghapuskan narkoba di samping dua puluh lembaga kerajaan yang lain.

Pada 11 Jun 1996, undang-undang 'Dasar Dadah Negara' diluluskan oleh Majlis Dadah Kebangsaan (MDK) merangkum aktivitas-aktivitas pendidikan dan pencegahan, penguatkuasaan undang-undang, rawatan dan pemulihan dan kerjasama di peringkat antarabangsa.

Pada 30 Disember 2004, bersesuaian dengan cabaran persekitaran dan keperluan jangka waktu panjang, kerajaan Malaysia telah meluluskan undang-undang AADK 2004 dan juga meluluskan penubuhan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) yang diberi kuasa dan berfungsi di dalam aspek-aspek pencegahan, pengesanan, penangkapan, penguatkuasaan, penyiasatan dan narkoba serta rawatan dan pemulihan pencandu narkoba.

Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) 2004 ini memberi kuasa kepada AADK untuk melakukan penangkapan khas bagi mereka yang terkait dengan apa-apa aktivitas berhubung pengedaran narkoba. Di samping itu, AADK juga mempunyai kuasa di dalam merampas harta yang dikaitkan dengan apa-apa aktivitas berhubung dengan kesalahan-kesalahan

narkoba dan pengumpulan segala maklumat keselamatan yang terkait dengan aktivitas narkoba.⁴

Pada tahun 2010, Malaysia mendahului negara lain di Asia dalam usaha untuk mengubah rawatan yang bersifat diperintah kepada rawatan secara sukarela dengan akses terbuka dan pendekatan kesehatan bertujuan untuk mengatasi masalah penyalahgunaan narkoba. Berlandas kepada perubahan dasar penting dalam perkhidmatan awam hasil dari Program Transformasi Kerajaan Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah menubuhkan Klinik Cure & Care 1Malaysia untuk merawat masalah narkoba, dengan menggunakan slogan ‘Kami Prihatin, Kami Sedia Membantu’. Sehingga Oktober 2011, sudah berdiri lapan buah klinik dan empat lagi klinik bakal dibina pada tahun 2012. Klinik Cure & Care 1Malaysia ini kesemuanya berpegang pada konsep sukarela dan akses terbuka tanpa kaitan undang-undang. Di bawah metode rawatan Cure & Care, pelbagai perkhidmatan yang bersifat inovatif disediakan dengan penjagaan yang lebih prihatin di samping bersikap terbuka kepada klien.⁵

Setelah hampir 30 tahun, akhirnya AADK mengambil langkah melaksanakan perubahan berganda daripada pendekatan pemulihan yang berbentuk *regimented, tough & rugged*, tidak berstruktur dan sistematik, tiada pilihan dan berbentuk paksaan di Pusat Serenti / PUSPEN (Pusat Penagihan Narkotika) kepada pendekatan yang berkonsep terbuka, prihatin, mesra,

⁴Laman Web Rasmi Agensi AntiDadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri, Sejarah AADK (Diakses pada Mei 5, 2018) Diambil dari :<https://www.adk.gov.my/maklumat-korporat/sejarah-aadk/>.


⁵Kompilasi Kes “Best Practice” Di Agensi AntiDadah Kebangsaan, (Diakses pada Mei 5, 2018), Diambil dari :http://wecareweserve.org/wp-content/themes/aadkmicrosite_purple/download/03_Kompilasi_Kes_Best_Practices_di_AADK_BM.pdf.

program yang lebih berstruktur, sistematik serta mampu memenuhi keperluan kepulihan klien secara komprehensif dan meluas.

Bermula 1 Julai 2010, AADK telah melakukan perubahan dalam merawat dan memulihkan pencandu narkoba dengan menubuhkan Klinik Cure & Care 1Malaysia Sg Besi diikuti dengan Bukit Mertajam, Tampoi, Tampin, Kota Bharu, Kuching dan Papar. Sebuah lagi PUSPEN ditukar kepada Klinik Cure &Care 1Malaysia pada tahun 2011 iaitu Jerantut dan dua buah PUSPEN lagi pada tahun 2012 iaitu Karangan dan Bachok. Sehingga kini terdapat 11 buah Klinik Cure &Care 1Malaysia dengan penambahan sebuah lagi pada 7 Januari 2013 iaitu Klinik Cure &Care 1Malaysia Dengkil.⁶

⁶Klinik Cure & Care, (Diakses Pada Mei 5, 2018), Diambil dari :<http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/keselamatan/16909-klinik-cure-a-care-.html>.

C. Carta Organisasi Klinik Cure & Care 1Malaysia Tampoi Johor



D. Terapi Yang Digunakan Di Klinik Cure & Care 1Malaysia

Klinik Cure & Care 1Malaysia dibuka pada 2010 dan menyediakan pelbagai khidmat untuk rawatan dan pemulihan kepada pesalah narkoba dengan menggunakan cara seperti *ASSIST (Alcohol, Smoking and Substance Involvement Screening Test)* dan detoksifikasi perubatan klinikal, pendidikan psikologi terhadap pencegahan dari kembali mencandu, sokongan dan bantuan, kelompok sokong bantu, program keluarga, rawatan kesehatan, kerohanian, terapi gantian metadon dan kerja lapangan.

1. Terapi Gantian Metadon

Komponen psikososial yang terkait rapat dengan terapi gantian narkoba telah meningkatkan pemulihan dan penyembuhan untuk pesakit yang menggunakan opiat. Metadon mengurangkan penggunaan mereka terhadap heroin/morfin dan kesannya akan berlanjutan hingga ke 38 jam tergantung doses yang diberikan. Dengan cara ini, mereka dapat bekerja tanpa perasaan gelisah kerana kesannya yang berpanjangan (mereka hanya perlu mengambil satu doses setiap 24 jam).

Untuk klien '*inpatient*', waktu mereka berada di Klinik Cure & Care 1Malaysia ini (jika mereka tidak bekerja) digunakan oleh penjaga dengan melibatkan mereka dengan pelbagai komponen psikososial. Ini dapat membantu mereka apabila berhadapan dengan masyarakat, mencari pekerjaan, berdiskusi dengan keluarga dan selainnya.

2. Terapi Psikososial

Di bawah komponen psikososial, beberapa terapi telah diberi kepada klien untuk memastikan mereka dalam proses pemulihan yang betul.

a. Terapi Kelakuan/Perbuatan

Menyediakan sistem ganjaran kepada klien dan mengurangi doses metadon secara berperingkat.

b. Terapi Kelakuan Kognitif

Mengajar klien membina jati diri, komunikasi peribadi dan pencegahan dari kembali kepada narkoba.

c. Terapi Dalam Diri

Mengajar klien mengenai kemahiran sosial yang penting di dalam mengendali masalah dalaman.

d. Konseling Kelompok

Ahli kelompok mampu memberikan sokongan dan motivasi kepada yang lain, membuat kemahiran baru seperti kelakuan yang pelbagai dan kemahiran menyelesaikan masalah.

e. Terapi Keluarga

Ahli keluarga klien mampu menghadapi kasus-kasus seperti masalah bantahan klien dari mengambil narkoba, lebih peka terhadap kesan-kesan negatif tentang masalah narkoba dalam keluarga sendiri dan juga keluarga orang lain.⁷

⁷Kompilasi Kes “Best Practice” Di Agensi AntiDadah Kebangsaan, (Diakses pada Mei 5, 2018), Diambil dari :http://wecareweserve.org/wp-content/themes/aadkmicrosite_purple/download/03_Kompilasi_Kes_Best_Practices_di_AADK_BM.pdf.

E. Program Unggul Di Klinik Cure & Care 1Malaysia Tampoi

1. Program *Therapeutic Community* (TC)/ Terapi Kekeluargaan

Program *Therapeutic Community* ini juga dibuat berlandas kepada filsafat tersirat yaitu:

1. Kerjujuran

Sudah menjadi sikap seorang pesalah narkoba yang mana keadaan hidupnya memerlukan ia bersikap tidak jujur. Di dalam terapi ini penghuni diajar bagaimana kejujuran menjadi satu penawar dan tenaga baginya membina perhubungan yang lebih baik dengan orang lain. Seseorang perlu bersikap jujur dengan dirinya untuk membina perkembangan diri juga membantu orang lain untuk berkembang. Oleh itu perlu mengambil kesempatan yang diberi untuk membantu diri dan orang lain dalam konfrontasi atau mengaku kesalahan yang dibuat.

Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, sabda Rasulullah S.A.W bahwa "*Kebenaran (kejujuran) adalah ketenangan dan kepalsuan adalah keraguan*" (petikan dari buku *Al-Ibada fi Al Islam* : Muhammad Abdullah Al-Khatib, Kaherah, Mesir).

2. Tiada Makan Percuma

Di dalam norma terapi kekeluargaan tidak ada sesuatu yang diberi begitu sahaja tanpa usaha untuk bisa dimiliki. Sebarang habuan yang diberi adalah hasil usaha yang telah ditunjukkan oleh ahli keluarga. Perubahan tingkah laku berlaku apabila individu dapat bersabar untuk melawan nafsunya bagi mencapai suatu kejayaan.

Hal ini selari dengan kata-kata Saidina Omar bin Al-Khatib yang dipetik dari buku Akidah Ahli Sunnah Wa Al Jamaah yang ditulis oleh Hj Said Bin Hj Ibrahim pada halaman ke 6 yaitu:

“Seseorang kamu tidak boleh mencari rezeki dengan duduk diam sahaja dan berdoa kepada Allah : Wahai Tuhanku Berikanlah aku rezeki...” Maka sesungguhnya kamu telah mengetahui bahwa langit tidak menurunkan hujan emas dan juga tidak menurunkan hujan perak”.

3. Berhati-hati Apabila Meminta Anda Mungkin Memperolehnya

Sesuatu yang diperlukan oleh individu mesti difikir sebaiknya karena mungkin apa yang diperoleh akan menjadi satu mimpi buruk. Keadaan ini mengajar individu untuk berfikir panjang apabila mahu memberikan respon dengan sesuatu situasi atau coba mengelak dari suatu kenyataan.

Contoh tentang filsafat ini adalah apabila seseorang meminta untuk diberikan posisi yang tinggi dalam sesuatu tempat dan organisasi, dia perlu tahu kebolehan untuk berdepan dengan cabaran dan tekanan yang ada. Jika seseorang itu membuat permohonan disebabkan kuasa dan

pangkat, sukar untuk dia menerima bebanan dan tanggungjawab yang besar pada dirinya. Oleh itu individu ini gagal untuk bertindak seperti yang dijangkakan. Oleh itu seseorang perlu berfikir dua kali sebelum memohon sesuatu dan melakukan sesuatu.

4. Pembangunan Peribadi Sebelum Tuntutan Pangkat

Filsafat tersirat ini memberi arti bahwa pembangunan peribadi yang baik dan mulia adalah paling penting. Pangkat atau kedudukan biasanya diberi berdasarkan pembangunan peribadi atau prestasi seseorang. Allah S.W.T di dalam Al Quran ada menjelaskan erti kejayaan di dalam surat Al As-Shams ayat 9 yang bermaksud "*Sesungguhnya telah berjaya mereka yang dapat membersihkan diri (membina diri/peribadi)*".

Contoh bagi filsafat ini adalah koordinator perlu mengakui kesilapannya daripada menggunakan pangkat yang ada untuk melindungi sesuatu yang salah, walau apa pun peranan seseorang dalam tugasnya, dia perlu berfikir tentang perkembangan emosinya. Maka di sini akan mengajar individu menjadi orang yang matang, jujur ikhlas dan berminat penuh dengan tugasnya daripada menyalagunakan kuasa yang diberi.

5. Kasih Sayang, Tanggungjawab dan Keprihatinan

Di dalam suasana Terapi Kekeluargaan, ketiga tiga unsur ini dapat menimbulkan perasaan mengambil berat di antara satu sama lain. Prihatin bukan sahaja bermakna membuat sesuatu yang baik kepada individu lain, tetapi juga bermakna menegur kesilapan atau sikap negatif ahli keluarga.

Keprihatinan begini agak pahit untuk diterima tetapi sebenarnya dapat membantu seseorang yang melalui proses pemulihan. Keadaan ini membuktikan kasih sayang dan tanggungjawab kepada orang lain di mana sebelum ini mereka sukar untuk menjadi seorang individu yang bertanggungjawab.

6. Setiap Perbuatan Ada Pembalasannya

Seseorang yang berbuat baik, suatu hari akan mendapat balasan baik. Jika seseorang itu suka mementingkan diri sendiri dan menganiaya orang lain satu hari nanti pasti akan menerima pembalasan atas perbuatannya itu.

Firman Allah Taala dala Surat Al-Fussilat ayat 42 yang bermaksud:

“Sesiapa yang mengerjakan amal soleh maka faedahnya akan kembali kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri”

7. Lebih Baik Memahami Daripada Difahami

Korban narkoba senentiasa menyalahkan orang lain atas apa yang berlaku kepada dirinya. Mereka mengatakan bahwa tiada sesiapa memahami perasaannya. Keadaan ini menunjukkan sistem pemikiran yang ada dalam dirinya. Jika pesalah ini memahami kenapa ia bertindak sedemikian, secara langsung boleh membantu perubahan dan menjaga dirinya dan juga berhenti menyalahkan orang lain.

Setiap individu perlu lebih cekap dalam mendengar tapi perlu berhati-hati bila mahu berkata-kata dan lambat menjadi marah. Seseorang itu perlu mengundur sedikit ke belakang, melakukan pemerhatian, berfikir dan setelah itu barulah melakukan tindakan di mana cara ini dapat menjadikan ia seseorang yang lebih baik. Di dalam terapi ini setiap perkara dibentuk untuk membantu penghuni memahami apa yang berlaku adalah untuk faedah dirinya. Keadaan ini adalah lebih baik dari melakukan apa saja mengikut keinginannya.

8. Keperihatinan Beerti Hidup

Kecuaian pesalah narkoba banyak mendorong mereka kembali semula kepada narkoba. Ini membawa maksud bahwa pentingnya bagi pesalah untuk peka dengan persekitarannya, peka dengan perkara-perkara yang boleh memerangkap dirinya lalu memusnahkan kehidupannya. Sikap prihatin ini akan membuat mereka senantiasa berjaga-jaga dan bersedia menghadapi segala kemungkinan. Di dalam terapi ini setiap orang perlu peka dengan apa yang berlaku dalam persekitarannya. Selain itu mereka juga perlu memaksima penggunaan faedah yang disediakan bagi membantu perkembangan dirinya.

9. Yakin Kepada Persekitaran

Persekitaran dalam terapi ini adalah sangat asing dengan dunia luar. Suasana di sini adalah berasas pada kasih sayang, di mana semua penghuni secara sukarela sanggup membantu antara satu sama lain. Dunia

yang dapat membina harapan, keperihatinan, tiada keganasan, penuh kepercayaan, selamat dan juga mempunyai individu yang sedia untuk mendengar dan begitu mengambil berat. Persekitaran ini adalah umpama tanah yang subur di mana benih akan mebesar dengan sihat. Di sini sebagai pusat di mana setiap individu adalah sebahagian dari keseluruhannya.

10. Ganjaran Adalah Diharuskan

Ganjaran adalah sebagai hadiah dalam melakukan sesuatu perkara. Dalam kehidupan seharian sesuatu kepuasan dalam diri boleh diperoleh jika matlamat yang direncana dapat dicapai. Di dalam persekitaran terapi ini kesungguhan pesalah untuk membina semula dirinya dapat dilihat karena ia akan menerima ganjaran sedikit demi sedikit melalui struktur posisi. Pencapaian ini dapat meningkatkan keyakinan dirinya. Seseorang yang berusaha keras akan mendapat satu kepuasan karena apabila berjaya ia akan dapat ganjarannya.

11. Anda Tidak Boleh Menerima, Kalau Tidak Memberi

Keadaan ini mengajar pesalah supaya lebih perihatin sesama mereka untuk berkongsi rahsia-rahsiannya. Kesakitan dan kepahitan hidupnya yang dikongsikan, akan membuat orang lain memahami dirinya. Bila ini berlaku orang lain juga akan berbuat demikian, membentuk tindak balas dan membuka dirinya berkongsi perkara yang ada di dalam dirinya. Mereka tidak akan merasa sendiri lagi karena setiap individu mempunyai

pengalaman hidup yang hampir sama. Selain dari itu, mereka juga dapat belajar untuk membantu antara satu sama lain yaitu dengan mendengar masalah dan berkongsi cara-cara untuk menghadapinya.

12. Lakukan Sendiri

Firman Allah S.W.T dalam Surat Ar-Ra'ad ayat 11 yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa nasib yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa (nasib) yang ada pada mereka sendiri”

Di dalam terapi, segalanya adalah meliputi perubahan, kepercayaan bahwa setiap individu boleh mengubah sistem pemikirannya. Seorang pesalah narkoba percaya bahwa dirinya telah ditakdirkan untuk kekal di dunia narkobanya itu. Oleh itu lakukan seperti mengajar individu membuang sistem pemikiran itu kepada kepercayaan bahwa dirinya adalah seseorang yang berguna, boleh berubah menjadi seorang produktif. Sebenarnya perbuatan dan pemikiran positif boleh diperoleh dengan mncabar perasaan takut, secara tidak langsung individu ini akan merasa suka dengan faedah yang diperoleh apabila kekuatan terbina atau mendapat pengukuhan terhadap perubahan yang dibuat.⁸

⁸Agensi Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri, *Garis Panduan Program Rawatan Dan Pemulihan Desa Terapi Kekeluargaan*, (Kuala Lumpur, Cawangan Kaunseling Bahagian Rawatan Agensi Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri, 2002), h. 285-295.

2. Dua Belas Langkah *Narcotics Anonymous*

- a. Kami mengaku bahwa kami tiada daya upaya untuk mengatasi penagihan sehinggakan kehidupan kami tidak boleh lagi diurus.
- b. Kami mula mempercayai bahwa ada satu kuasa lain yang lebih berkuasa daripada kami mampu mengembalikan kewarasan kami.
- c. Kami membuat keputusan untuk menyerah kemahuan dan kehidupan kami kepada penjagaan tuhan, sebagaimana kami memahaminya.
- d. Kami meneliti senarai moral diri kami tanpa ketakutan.
- e. Kami mengaku kepada tuhan, kepada diri sendiri dan seseorang lain, tentang punca sebenarnya kesalahan diri kami.
- f. Kami dengan sepenuhnya bersedia agar tuhan mengubah segala sifat-sifat kami yang buruk.
- g. Kami dengan rendah diri memohon kepada tuhan supaya mengubah segala kekurangan diri kami.
- h. Kami menyenaraikan siapa yang telah kami aniaya dan rela untuk membetulkan kesalahan kepada mereka semua.
- i. Kami secara langsung membetulkan kesalahan kepada orang tertentu di mana kami berpeluang, kecuali bila melakukannya untuk menyakiti mereka atau yang lain.
- j. Kami dengan berterusan akan meneliti peribadi diri dan bila kami bersalah dengan segera akuinya.

- k. Kami memohon melalui doa dan bertafakur untuk menambah kesadaran hubungan dengan tuhan; sebagaimana kami memahaminya, berdoa hanya untuk ketetapannya dan upaya melakukannya.
- l. Setelah memperoleh keinsafan rohani kesan dari langkah-langkah di atas, kami akan coba menyampaikan pesanan ini kepada pesalah narkoba yang lain dan mengamal prinsip-prinsip ini di dalam segala urusan hidup kami.

Menurut Abu Bakar Bin Mamat yang mana merupakan Asisten Perwira Narkoba Klinik Cure & Care 1Malaysia Tampoi Johor berkata bahwa dua belas langkah ini lebih kepada konsep ketuhanan di mana ia merupakan satu program yang mengajar tentang kepemimpinan, pengurusan dalam sebuah keluarga. Selain itu beliau berpendapat bahwa konseling Islam, *Therapeutic Community* dan dua belas langkah *Narcotic Anonymous* ini perlu bergerak selari di mana konseling Islam hanyalah sekadar teori yang mana perlu di praktik dalam *program Therapeutic Community* dengan menggunakan konsep dua belas langkah *Narcotic Anonymous* ini untuk menguatkan fizikal dan mental para pesalah narkoba di sini apabila mereka berhadapan dengan dunia luar nanti.⁹

⁹ Abu Bakar Bin Mamat, Asisten Perwira Narkoba Klinik Cure & Care 1Malaysia Tampoi Johor, Wawancara tanggal 24 Juli 2018